

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 2 JULAI 2013**  
**DI KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN AREEB PUTRA**  
**UNIMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Walaupun dalam kesibukan kita menganjurkan Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (Sukanun) VIII 2013 ini, kita masih mampu bersama-sama pada program senamrobik sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

### **MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

### **SUKANUN VIII**

2. Seperti yang telah kita sedia maklum, hari ini merupakan hari terakhir berlangsungnya Sukanun VIII, dan kemeriahannya sukan ini dapat bukan sahaja dirasai warga UniMAP, malahan oleh penduduk negeri Perlis ini dengan kehadiran lebih 7,000 atlet dan pegawai dari 71 Kontijen badan berkanun dari seluruh Malaysia.
3. Alhamdulillah, saya difahamkan kontijen UniMAP berjaya meraih beberapa pingat dalam beberapa acara yang dipertandingkan dan ini membolehkan kita berada di kedudukan terbaik. Tahniah saya ucapkan kepada para atlet UniMAP yang berusaha keras selama ini bagi mengharumkan nama university yang kita sayangi ini.

4. Tidak lupa juga kepada tetamu-tetamu kita, saya berharap agar layanan yang kami berikan sepanjang 10 hari kejohanan ini berlangsung dapat memuaskan hati semua. Semoga dalam tempoh saudara-saudari berada di sini akan memberikan pengalaman yang manis kepada semua peserta.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **LAWATAN KE SARAJEVO**

#### **MOU dengan University of Sarajevo**

5. Untuk makluman semua, baru –baru ini saya telah melakukan lawatan kerja ke Sarajevo, Bosnia, Alhamdulillah, di sana kita telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah Universiti iaitu Universiti of Sarajevo, Bosnia.
6. Hasil Perbincangan yang dilakukan, kedua-dua universiti telah bersetuju untuk bekerjasama dalam program pertukaran pelajar dan staf di masa akan datang, semoga MoU ini akan memberikan manfaat kepada kedua-dua universiti nanti, InsyaAllah.

#### **UniMAP holdings Taja lima Pelajar untuk Program IEC**

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Dalam perkembangan lain, pada lawatan kerja itu juga, anak syarikat UniMAP, UniMAP Holdings telah bermurah hati untuk menaja lima pelajar Bosnia untuk mengikuti pengajian di UniMAP. Mereka ditawarkan untuk mengikuti pengajian IEC selama enam bulan dan kemudian

meneruskan pengajian ke bidang pengajian Perniagaan Antarabangsa dan bidang Kejuruteraan.

8. Pengambilan pelajar Bosnia itu merupakan kumpulan pelajar pertama dari benua Eropah yang akan mengikuti pengajian di UniMAP dan para pelajar ini akan memulakan pengajian pada bulan Oktober 2013.
9. Saya sendiri telah menyerahkan surat tawaran kepada lima pelajar ini dalam satu majlis yang diadakan di University of Sarajevo (UNSA), Bosnia Hercegovina dengan disaksikan oleh TYT En. Anuar bin Kasman, Duta Besar Malaysia di Bosnia Hercegovina dan Rektor UNSA, Prof. Dr. Muharem Avdispahic.
10. UniMAP akan terus berusaha untuk meningkatkan mengambil pelajar Bosnia pada masa akan datang melalui penubuhan tabung khas dan kita juga mempelawa pihak industri untuk membantu dari segi penajaan pengajian para pelajar ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

#### **Anugerah Emas, Rome, Itali**

11. Di kesempatan ini saya ingin berkongsi kejayaan yang telah kita perolehi baru-baru ini. Alhamdulillah, UniMAP telah berjaya meraih Anugerah Emas bagi Kualiti dan Prestij Perniagaan daripada Otherways Association, Management and Consulting di Rome, Itali.
12. Anugerah ini diberikan kepada entiti korporat yang mencapai tahap luarbiasa dari segi Prestij, Inovasi, Komitmen di dalam Kualiti dan juga Kecemerlangan. Untuk memperolehi anugerah ini organisasi yang terpilih perlu dicalonkan oleh jawatankuasa dalaman berdasarkan undian makro melalui internet dengan ketetapan kriteria seperti, kepuasan pelanggan, kelestarian pendidikan dan perniagaan, hasilan perniagaan dan pengiktirafan ISO.

13. Lebih manis lagi, ***YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada 26 Jun lalu, turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Universiti Malaysia Perlis atas kejayaan meraih Anugerah Emas bagi Kuali dan Prestij Perniagaan daripada Otherways Association, Management and Consulting di Rome Italiy.***

Perdana Menteri menyampaikan ucapan tersebut menerusi laman twitter peribadinya.

***“Tahniah UniMAP atas Anugerah Emas bagi Kualiti dan Prestij Perniagaan yang diterimanya. Teruskan mengharumkan nama Malaysia di mata dunia,”*** ujar beliau dalam laman twitter tersebut.

14. Untuk makluman hadirin sekalian, kita merupakan penerima tunggal bagi organisasi pendidikan tinggi dari negara Malaysia. Pengiktirafan ini merupakan hasil titik peluh semua warga UniMAP yang meletakkan kualiti sebagai objektif penting di dalam organisasi.

15. Di sini kita dapat melihat hasilan dengan pencapaian mendapatkan persijilan ISO MS 9001:2008, IQ Net, ISO IEC 27001:2007 dan SETARA. Sesungguhnya kualiti di dalam pentadbiran amatlah penting kerana ianya mampu mengangkat martabat sesebuah institusi dengan hasilan yang lebih berimpak.

## **PENUTUP**

16. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi, kerana sebentar lagi, kita akan menyaksikan pertandingan akhir SUKANUN bagi acara tarik tali, antara Pelabuhan Labuan VS Pusat Perubatan Universiti Malaya, selamat bertanding saya ucapkan kepada kedua-dua pasukan. Saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun:-

***Indah Sungguh Tasik Melati  
Disinari dengan Suria Pagi  
Kenangan Manis Simpanlah Di Hati  
Semoga Kita Bertemu Lagi***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.